





SIRI PANDUAN
KENEGARAAN

SEJARAH PENUBUHAN MALAYSIA

Penyusun:

ZARINA SYUKOR



PENERBIT PINANG SDN BHD.

**PENERBIT PINANG
SDN. BHD.**

No. 10, Blok A, Lot 778,
Jalan Subang 4, Subang
Light Industrial Park,
47610 Subang Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel : 03 - 5637 7846
Fax : 03 - 5637 7826

© Penerbit Pinang Sdn. Bhd.
Cetakan pertama... 2005

**AMARAN ATAS HAK
CIPTA**

Semua hak cipta terpelihara.
Sebarang bahagian dalam
buku ini tidak boleh
diterbitkan semula atau
dipindah dalam sebarang
bentuk atau dengan sebarang
cara, baik dengan cara
elektronik, mekanik,
penggambaran ataupun
sebaliknya tanpa izin yang
bertulis terlebih dahulu
daripada Penerbit Pinang
Sdn. Bhd.

Dicetak oleh:
Percetakan Tait Sdn. Bhd. (270731-D) 31 MAR 2005
959.5

**NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

KANDUNGAN

KESULTANAN MELAYU MELAKA	1
PENJAJAHAN KUASA BARAT	5
PENDUDUKAN JEPUN	10
MALAYAN UNION	20
PENUBUHAN UMNO/ ANCAMAN KOMUNIS	27
PERSEKUTUAN TANAH MELAYU	34
MEMPERJUANG KEMERDEKAAN	37
PERSEKUTUAN MALAYSIA	41
MALAYSIA YANG CEMERLANG	45
KORIDOR RAYA MULTIMEDIA	48
GLOSARI	52
SOALAN	54

Perpustakaan Negara Malaysia
Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Sejarah penubuhan Malaysia / penyusun Zarina Syukor.
(Siri pauduan kenegaraan)

ISBN 983-055-571-2 (set)

ISBN 983-055-575-5

I. Malaysia--History.

II. Syukor, Zarina. Siri.

31 MAR 2005

**NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA**

APB

01167983



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

KESULTANAN MELAYU MELAKA

PENGENALAN

Kesultanan Melayu Melaka merupakan kesultanan yang pertama dan paling masyhur di Tanah Melayu. Pengasas Kesultanan Melayu ialah Parameswara, putera Melayu berasal dari Palembang, Sumatera.

Sebelumnya Parameswara telah melakukan pemberontakan menentang kerajaan Majapahit untuk membebaskan Palembang daripada penguasaan mereka. Namun usaha beliau bersama-sama para penyokongnya telah gagal.

Disebabkan kegagalan itulah Parameswara telah melarikan diri ke Temasik (Singapura) yang ketika itu berada di bawah kekuasaan Siam. Raja Temasik, Temagi telah memberi perlindungan kepada Parameswara.

Sebaliknya Parameswara telah bertindak nekad dengan membunuh Temagi lalu merampas kuasa di Temasik. Pembunuhan Temagi telah memaksa Parameswara melarikan diri sehingga ke kuala Sungai Bertam.

Parameswara mendapati kawasan tersebut sesuai dijadikan petempatan. Oleh itu, Parameswara telah membuka petempatan baharu di sini pada tahun 1400.

Petempatan ini dinamakan Melaka oleh Parameswara bersempena nama pokok tempat beliau bersandar.

Bagaimanapun, menurut sumber Arab, nama Melaka diambil daripada perkataan Arab, iaitu ‘malakat’ yang bermaksud tempat pertemuan segala dagangan.

Asalnya Melaka merupakan sebuah kampung nelayan yang kecil didiami oleh orang laut dan orang seletar. Meskipun begitu Parameswara telah berjaya membangun dan memajukan Melaka sehingga menjadi pusat perdagangan dan empayar yang terkenal pada kurun ke-15.

MELAKA EMPAYAR GEMILANG

Kesultanan Melayu Melaka bukan sahaja telah berkembang menjadi pusat perdagangan terkenal tetapi menjadi sebuah empayar dan pusat penyebaran agama Islam yang unggul.

Sebagai sebuah pusat perdagangan, Melaka menjadi tumpuan pedagang-pedagang dari Timur Tengah, India, China, dan negeri-negeri Asia Tenggara yang lain. Para pedagang ini membawa pelbagai jenis barang dagangan untuk didagangkan.

Melaka mula bertukar menjadi pelabuhan entrepot dan tempat pertemuan untuk pedagang-pedagang menukar barang-barang dagangan. Kota Melaka menjadi pusat pengumpulan dan pengedaran untuk barang-barang yang dikehendaki oleh saudagar-saudagar yang datang mengunjunginya.

Melaka ternyata bernasib baik apabila kedudukannya yang strategik banyak membantu kemajuan perdagangannya. Melaka terletak di kedudukan laluan persinggahan saudagar Timur dan Barat.



Kota A Famosa menjadi kota peninggalan sejarah penaklukan Portugis di Melaka


Kemajuan di Melaka turut dibantu oleh faktor-faktor lain yang merangkumi sistem pentadbirannya yang cekap, kemudahan pelabuhan yang lengkap, hubungan baiknya dengan kuasa besar China, dan peranan yang dimainkan agama Islam sehingga menarik ramai orang datang ke Melaka untuk menimba ilmu.

Biarpun begitu, nasib Kesultanan Melayu Melaka telah sampai ke penghujung apabila ia menarik perhatian penjajah dari Barat untuk menakluk kekayaannya.

Melaka telah jatuh ke tangan Portugis pada tahun 1511. Namun warisan era Kesultanan Melaka diteruskan oleh kerajaan atau kesultanan negeri-negeri Melayu lainnya di Semenanjung Tanah Melayu sehingga ke hari ini.

Apa yang dapat dilihat, warisan Kesultanan Melayu Melaka masih kekal ciri-cirinya sehingga ke hari ini dalam pelbagai bidang seperti:

- Institusi kesultanan
- Sistem pemerintahan iaitu sistem empat lipatan
- Sistem undang-undang
- Hubungan luar negeri
- Agama Islam
- Sistem sosial masyarakat Melayu



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

PENJAJAHAN KUASA BARAT

PENGENALAN

Sejak dahulu lagi, Tanah Melayu yang kaya dengan hasil bumi dan tanahnya yang subur sentiasa menjadi daya tarikan kuasa asing untuk menjajahnya.

Tujuan utama penjajahan kuasa-kuasa Barat adalah untuk mencari penempatan baharu untuk berdagang, mendapatkan bahan-bahan mentah dengan harga murah di samping memasarkan barang dagangan mereka.

Selain itu, penjajahan yang dilakukan juga bertujuan untuk menguasai pusat perdagangan yang kaya di sebelah Timur serta muhunya menyebarkan agama Kristian di kalangan rakyat negara yang dijajah.

Umumnya, antara kuasa Barat yang terlibat secara langsung dalam pentadbiran Tanah Melayu termasuklah kuasa besar seperti Portugis, Belanda, dan British. Negara kuasa besar ini memiliki angkatan bersenjata yang moden dan kuat.


SEJARAH PENJAJAHAN

Sejarah penjajahan yang berlaku di negara ini memperlihatkan kelicikan penjajah **memanipulasikan** segala strategi dan tipu daya untuk terus berkuasa di negara ini.

Mereka mengamalkan pelbagai dasar yang ada kalanya kelihatan bertujuan menjalinkan persahabatan tetapi dalam masa yang sama berusaha memperdayakan penduduk tempatan.

Misalnya, Portugis yang berkuasa di Melaka telah dapt ditewaskan oleh Belanda pada tahun 1641. Antara dasar-dasar yang dijalankan oleh Belanda di Melaka ialah berbaik-baik dengan kerajaan Johor.

Justeru, perjanjian yang ditandatangani pada tahun 1641 memberikan hak istimewa perdagangan kepada Johor di Selat Melaka bagi mengelakkan krisis politik.



Kedatangan kuasa Barat ke rantau Asia Tenggara menggunakan kapal-kapal besar yang mampu meredah lant huis.

Di Johor (Riau), kekuasaan pembesar tempatan tergugat apabila Sultan Mahmud menandatangani perjanjian persahabatan dengan Belanda pada tahun 1784. Akhirnya menyaksikan pelabuhan Riau menjadi hak Belanda.

Biarpun jawatan sultan terus kekal, namun ia terletak di bawah kekuasaan Belanda dan Belanda berhak menghantar residen untuk mentadbir Riau.

Oleh itu, Belanda bukan sahaja dapat terus bertapak di Melaka, tetapi turut berjaya menguasai pentadbiran Johor di Riau.

Tipu muslihat juga digunakan oleh pihak penjajah untuk menakluki Pulau Pinang. Ketika itu, Pulau Pinang berada di bawah pemerintahan sultan Kedah, Sultan Abdullah. Pada masa yang sama, Kedah sedang menghadapi ancaman dari-pada Burma.

Tugu Francis Light di Pulau Pinang yang menjadi lambang penjajahan Inggeris di pulau tersebut.

Justeru, Sultan Kedah telah meminta bantuan daripada British agar membantu negeri baginda.

British telah dibenarkan menduduki Pulau Pinang dengan memenuhi beberapa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Sultan Kedah. Antara syarat-syarat itu seperti berikut:



- Syarikat Inggeris dikehendaki mengawal kawasan perairan Kedah daripada sebarang bentuk ancaman atau serangan.
- Segala perbelanjaan peperangan akan ditanggung oleh pihak Inggeris.
- Kapal perdagangan dari Timur dan Barat bebas berdagang di Pulau Pinang atau Kedah.
- Sultan dibayar ganti rugi sebanyak \$3000 wang Sepanyol setahun sebab **monopoli** terhadap candu, bijih timah, dan rotan yang telah dibatalkan.

Sikap angkuh penjajah terserlah apabila Francis Light telah menduduki Pulau Pinang tanpa menghiraukan syarat-syarat tersebut. Tindakan Francis Light itu jelas mencabar kewibawaan dan kedaulatan Sultan Kedah.

Namun pada tahun 1791, Kedah terpaksa mengakui kekuasaan bala tentera Kompeni Hindia Timur Inggeris hingga terpaksa menyerahkan Pulau Pinang untuk ditadbir oleh mereka. Sikap yang ditunjukkan oleh Francis Light ini menyedarkan Sultan Kedah bahawa baginda telah dipermain-mainkan.

Umumnya, perluasan kuasa British di Tanah Melayu bertolak daripada Perjanjian Inggeris-Belanda pada bulan Mac 1824 yang antaranya menyatakan:

- Belanda menukar Melaka dengan Bengkulen.
- Singapura diiktiraf sebagai hak British.
- Kedua-dua pihak bersetuju tidak akan menceroboh kawasan antara satu dengan lain.
- Belanda tidak akan membuat sebarang perjanjian dengan negeri-negeri di Tanah Melayu.

Dalam pada itu, British kian berminat menguasai negeri-negeri di Tanah Melayu kerana mereka sudah sedia menduduki Pulau Pinang, Melaka, dan Singapura yang telah disatukan menjadi Negeri-negeri Selat.

Campur tangan British di Tanah Melayu bermula di Perak dan Selangor apabila Gabenor Negeri-negeri Selat, Robert Fullerton telah menghantar pegawainya ke Perak atas beberapa sebab.

Bermula dari situ, British mula menunjukkan kekuasaannya. Campur tangan British secara serius dalam pentadbiran negeri-negeri Melayu telah mencorakkan sedikit sebanyak sistem sosial, ekonomi, dan politik tempatan mengikut corak baharu.


Kesan paling ketara ialah merosotnya kewibawaan politik tempatan di mana semakin ramai pembesar Melayu yang kehilangan kuasa mentadbir mahupun mengutip cukai.

Pengenalan sistem residen di negeri-negeri Melayu misalnya menjadi titik tolak memperlihatkan kekuasaan British di Perak, Selangor, dan Pahang di mana negeri-negeri tersebut terpaksa menerima seorang residen British.

Apa yang pasti, pelaksanaan sistem residen di negeri-negeri Melayu pada tahun 1874 hingga 1896 telah membentuk kerajaan kolonial British di Tanah Melayu dan residen akan bertanggungjawab kepada kerajaan British.

Biarpun mendapat tentangan hebat daripada rakyat, pelaksanaan sistem residen di negeri-negeri Melayu berkekalan sehingga tahun 1896 sebelum terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu.

Sesungguhnya kehadiran British ke negara ini telah meninggalkan kesan yang mendalam dalam sejarah Tanah Melayu. Kebangkitan menentang penjajahan Barat bukan sahaja hasil daripada aspirasi tempatan tetapi juga datang daripada pengaruh luar.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

PENDUDUKAN JEPUN

PENGENALAN

Sepanjang pendudukan Jepun di Tanah Melayu meninggalkan banyak peristiwa penting di Tanah Melayu. Peninggalan paling hebat adalah pelbagai kisah kekejaman dan kezaliman Jepun terhadap penduduk tempatan yang tidak berdosa.

Meskipun pendudukan Jepun hanya berlaku selama tiga setengah tahun sahaja, bermula 15 Februari 1942 hingga 15 Ogos 1945, namun perubahan yang dicetuskan sangat penting, lebih-lebih lagi dia merangsang kesedaran politik orang Melayu serta memberikan makna betapa bangsa Asia juga boleh mengalahkan kuasa Barat.

Di samping itu, pendudukan Jepun juga telah menguaras perasaan dan politik perkauman yang berterusan sehingga selepas perang. Hal ini terjadi disebabkan Jepun amat memusuhi kaum Cina hingga menimbulkan ketegangan antara kaum Cina dan lain-lain kaum di Tanah Melayu ketika itu.

POLITIK DAN PENTADBIRAN

Penguasaan Jepun di Tanah Melayu bermula setelah Inggeris menyerah kalah pada 15 Februari 1942. Sebaik sahaja merampas kuasa, Jepun mewujudkan pentadbiran tentera kerana pada ketika itu Jepun masih berada di era peperangan.

Asia Tenggara yang dikuasai oleh Jepun telah dibahagikan kepada Iapan kawasan di mana setiap kawasan ditadbir oleh satu pasukan tentera.

Tanah Melayu dan Singapura misalnya diletakkan di bawah pemerintahan tentera Jepun dengan ketua negara (Gabenor) yang tinggal di Singapura. Bagaimanapun, pentadbiran Tanah Melayu dan Singapura diberi organisasi pentadbiran yang berasingan.

Singapura diberi nama Syonan atau Cahaya Timur manakala Tanah Melayu dikenali New Malai atau Malaya Baru. Singapura diberi status Tanah Penjajah sementara Tanah Melayu dijadikan sebagai kawasan naungan.

Pada peringkat awal pendudukan Jepun, kedudukan raja-raja Melayu adalah tidak menentu. Jepun akhirnya bersetuju mengembalikan kedudukan raja-raja Melayu. Apa yang jelas, tindakan Jepun itu ada udang di sebalik batu.

Pengiktirafan Jepun ke atas kedudukan sultan dibuat agar orang-orang Melayu terus memberi sokongan kepada mereka. Hal ini disebabkan sultan mempunyai pengaruh yang amat kuat terhadap penduduk di negara ini. Selain itu, orang Melayu turut diberi peluang mengisi jawatan sebagai kakitangan kerajaan.

Pada bulan Ogos 1943, pihak Jepun telah menyerahkan Negeri-negeri Melayu Utara iaitu Perlis, Kedah, Terengganu, dan Kelantan kepada kerajaan Siam. Tindakan ini dibuat kerana Jepun ingin membala budi Siam yang telah membantunya dalam kempen menawan Tanah Melayu.

Bagi menjamin dan mengkalkan keamanan, Jepun mengadakan Perkhidmatan Sulit Jepun (Tekikan), Polis Tentera (Kempetai), Anggota Jabatan Penyiasat (TOKO) dan polis biasa. Anggota pasukan ini yang banyak menggunakan kekerasan terhadap penduduk yang dirasakan memberi ancaman terhadap mereka.

Di samping itu, Jepun turut menjalankan perkhidmatan negara dengan mewajibkan lelaki yang sihat berusia 16 tahun hingga 30 tahun menyertai salah satu pasukan tentera, iaitu sama ada menyertai pasukan khas tempatan (Giyugun), pasukan khas menentang komunis (Boettcher) dan menjaga keamanan di mana-mana negara (Heihas).

Apa yang jelas, keanggotaan dalam pasukan-pasukan kebanyakannya terdiri daripada orang Melayu. Manakala orang Cina dan India menjadi kumpulan minoriti.

Dengan wujudnya pasukan-pasukan ini dan pasukan-pasukan perisik khas, pemerintahan Jepun di Tanah Melayu tidak menghadapi banyak ancaman atau penentangan ramai.

Jepun juga bertindak menyekat penyebaran maklumat apabila melarang penggunaan radio gelombang pendek yang mungkin dikuatkuasakan sejak bulan Ogos, 1942.

Tujuan berbuat demikian untuk mengelakkan orang rakyat mengikuti siaran radio yang menyebarkan **propaganda** pihak Bersekutu. Filem-filem asing juga turut diharamkan tayangannya di pawagam-pawagam kecuali filem-filem dari Jepun.

Keadaan ini melahirkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat. Namun begitu, rakyat tidak berani bertindak kerana hukuman buang air besar akan dikenakan oleh Jepun kepada sesiapa yang menentangnya.

DASAR EKONOMI JEPUN

Dilihat dari segi ekonomi, Jepun menukar dasar ekonomi Tanah Melayu daripada ekonomi pasaran bebas kepada ekonomi kawalan.

Jepun telah melahirkan sistem ekonomi yang bersifat berdikari dan menjalankan dasar tutup pintu. Tindakan Jepun ini jelas menunjukkan mereka tidak menggalakkan eksport, sebaliknya hanya menggalakkan industri ringan.

Jepun telah mengambil alih semua kegiatan ekonomi seperti industri bank, pengangkutan, perlombongan, dan estet-estet yang dahulunya dikuasai pemodal Eropah dan Cina.

Dari segi kegiatan pertanian, Jepun telah menjadikan kegiatan pertanian sebagai satu kegiatan umum bagi mengatasi masalah kekurangan makanan. Justeru, penanaman padi diutamakan supaya dapat menampung keperluan bekalan makanan agar mencukupi kepada semua penduduk.

Tanaman ubi kayu, sagu, dan lada hitam turut dipertingkatkan. Namun kehidupan era perang dan ketakutan kepada askar Jepun menyebabkan aktiviti pertanian tidaklah serancak mana. Akibatnya berlaku kekurangan dalam pelbagai bekalan, pasar gelap telah wujud secara berleluasa.

Apa yang jelas, dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun menjadikan ekonomi Tanah Melayu kian merosot. Akibatnya timbulah masalah pengangguran, kebuluran, dan inflasi yang amat tinggi.

Semua keadaan ini menyebabkan berlakunya yang berikut:

- ❑ Harga barang dan makanan naik tetapi nilai mata wang pokok pisang yang diperkenalkan oleh Jepun sangat rendah disebabkan pengeluaran wang yang tidak dikawal.
- ❑ Pengeluaran barang-barang utama dikawal ketat. Permit dikenakan terhadap semua jenis pengangkutan dan perdagangan.
- ❑ **Catuan** makanan diadakan terutamanya kepada pembelian beras dengan setiap penduduk perlu menggunakan sistem kupon untuk mendapatkan beras. Setiap keluarga dihadkan memiliki dua gantang beras sahaja dalam sebulan.



Tugu Negara menjadi lambang kegagaban pasukan keselamatan mempertahankan tanah air tercinta.

Akibatnya, berlaku masalah kekurangan makanan yang meruncing sehingga menyebabkan ramai penduduk mengalami masalah kesihatan. Malah ramai yang sudah menderita dijangkiti pelbagai jenis penyakit.

Biarpun sektor ekonomi pada zaman Jepun dilanda pelbagai masalah, kewujudan pentadbiran Jepun di negara ini turut menggalakkan kehadiran syarikat-syarikat besar dari Jepun untuk beroperasi di sini.

Selain Mitsui dan Mitsubishi yang telah sedia ada di sini sebelum tercetusnya perang, syarikat-syarikat kecil yang lain seperti Kaisya dan Kumiai, bank-bank Jepun turut ditubuhkan seperti Bank Specie Yokohama Berhad.

DASAR SOSIAL JEPUN

Tanyalah kepada mereka yang pernah hidup ketika zaman Jepun memerintah Tanah Melayu, kesulitan, kezaliman, ketakutan, dan kemiskinan hidup yang dialami amat sukar untuk dilupakan sepanjang hayat.

Segala gerak-geri rakyat diawasi oleh tentera Jepun. Mereka yang disyaki menentang atau menyokong kuasa-kuasa lain akan menerima hukuman yang amat berat sehingga membawa kepada kematian.

Pentadbiran Jepun telah memaksa pemuda-pemuda Tanah Melayu dibawa ke sempadan Tanah Melayu-Siam-Burma bagi membantu mereka membina Jalan Kereta Api Maut.

Semasa menjalankan tugas tersebut, ramai penduduk Tanah Melayu yang disuruh bekerja berat dan dilayan tanpa rasa perikemanusiaan. Malah ramai yang terkorban.

Selain itu, keadaan sosial di kalangan masyarakat juga diselubungi kekacauan dan porak-peranda.

Pelbagai kejadian seperti pergaduhan, perbalahan, kecurian, dan sebagainya sering terjadi disebabkan rakyat yang kekurangan bahan makanan dan pekerjaan sanggup melakukan apa sahaja bagi mengisi perut.

Pemerintah Jepun juga cuba mengubah budaya masyarakat tempatan dengan 'menjepunkan' penduduk di Tanah Melayu. Pelbagai cara atau pendekatan digunakan.

Antaranya melalui sistem pendidikan yang diperkenalkan, Jepun menerapkan budaya Jepun seperti diwajibkan menyanyi lagu kebangsaan Jepun dengan membongkokkan badan ke arah negara Jepun, mempelajari bahasa dan kesusasteraan Jepun, dan sebagainya.

Tindakan Jepun ini sebagai salah satu usaha menghapuskan sistem pendidikan tempatan dan pengaruh budaya Barat yang telah sedia tersemai di kalangan penduduk.

Meskipun begitu, pemerintahan Jepun juga ada membawa kebaikan kepada orang Melayu seperti diberikan keistimewaan tertentu sedangkan orang Cina ditindas kejam.



Askar-askar Jepun telah menyebabkan penderitaan rakyat sewaktu menduduki Tanah Melayu.



Selain Jepun, penduduk Tanah Melayu juga menghadapi ancaman daripada Parti Komunis Melayu (PKM).

Jepun bersikap dingin atau **prasangka** terhadap orang-orang Cina di Tanah Melayu disebabkan orang Cina dan negara China adalah musuh lama Jepun, yakni sejak berlakunya Perang China-Jepun.

Justeru, disebabkan tindakan Jepun ke atas orang-orang Cina yang sedemikian rupa, menyebabkan mereka berpaktat menentang pemerintahan Jepun di Tanah Melayu dengan menyertai pergerakan komunis.

KESAN PENDUDUKAN JEPUN

Pendudukan Jepun di Tanah Melayu sesungguhnya telah meninggalkan banyak kesan, baik dari segi politik, ekonomi maupun sosial.

Apa yang pasti, zaman pendudukan Jepun merupakan zaman yang pahit dalam sejarah hidup orang-orang di Tanah Melayu di mana kehidupan mereka dipenuhi penderitaan dan penindasan.

Keseluruhannya, pendudukan Jepun telah meninggalkan pelbagai implikasi terhadap kehidupan penduduk di Tanah Melayu.

Pada peringkat awalnya, pemerintahan Jepun dilihat mendapat sambutan baik di kalangan penduduk Tanah Melayu terutamanya orang-orang Melayu. Ini disebabkan mereka terpedaya dengan janji Jepun untuk mengubah dan membentuk corak pemerintahan baharu, di samping terpengaruh dengan slogan 'Asia Untuk Asia' dan 'Jepun Cahaya Asia'.

Bagaimanapun setelah Jepun memerintah, penduduk Tanah Melayu mula berasa kurang senang dengan tindakan demi tindakan zalim yang dilakukan Jepun dalam usahanya menguasai seluruh Tanah Melayu.

Disebabkan zaman pendudukan Jepun tidak ada pekerjaan, kekurangan makanan dan bahan keperluan harian, ketiadaan rancangan pembangunan ekonomi dan sosial menyebabkan proses pemulihan selepas perang amat lambat.

Rata-rata rakyat hidup dalam kemiskinan dan serba kekurangan. Lebih menyayat hati apabila ramai yang terkorban begitu sahaja, sama ada akibat kebuluran atau menjadi mangsa kekejaman askar Jepun.

Dasar pecah dan perintah yang diperkenalkan oleh Jepun secara tidak langsung menimbulkan perselisihan antara orang Melayu dan orang Cina. Perpaduan antara dua kaum itu yang mulanya agak erat bertukar renggang akibat dasar pemerintahan Jepun.

Pendudukan Jepun tanpa disedari telah membuka ruang kepada Parti Komunis Malaya (PKM) menjadi parti yang berpengaruh. Parti ini mendapat sokongan amat kuat daripada penduduk Cina yang ditindas.

Selain itu, pendudukan Jepun juga telah mempercepatkan kesedaran nasionalisme di kalangan penduduk Tanah Melayu. Kejayaan Jepun mengalahkan Inggeris misalnya memperlihatkan keunggulan kuasa Barat tidaklah sekutu yang disangkakan.

Kegagalan Inggeris mempertahankan Tanah Melayu sehingga mengakibatkan kemusnahan negeri dan penderitaan rakyat telah menimbulkan kemarahan dan kesangsian orang-orang Melayu terhadap kejujuran Inggeris mempertahankan negara ini.

Malah, peluang yang diberikan oleh Jepun kepada orang-orang Melayu untuk membentuk pergerakan politik mereka sendiri dan terlibat dalam pentadbiran telah menarik minat orang Melayu mencebur politik.

Setelah Inggeris mengumumkan rancangan Malayan Union yang banyak merugikan hak orang Melayu, kesedaran politik dan kebangsaan orang Melayu semakin memuncak.

Mereka menentang kuat rancangan penubuhan Malayan Union dan penentangan itu disatukan penyuaranya melalui Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

UMNO yang dibentuk pada 11 Mei 1946 adalah hasil persetujuan gabungan pelbagai persatuan dan pergerakan orang Melayu yang bertekad untuk menolak Malayan Union. Ternyata usaha mereka menolak Malayan Union berjaya.

Berundurnya Jepun dari Tanah Melayu dan Asia Tenggara menjelang 15 Ogos 1945 menandakan tamatnya satu era pemerintahan 'pecah dan perintah' yang dilakukan oleh kuasa baharu di Asia itu.

Jerih perih yang dilalui sepanjang pemerintahan Jepun adalah satu tempoh masa yang sukar untuk dilupakan kepada mereka yang terlibat. Malah kenangan pahit itu turut dikongsi generasi muda agar mereka lebih menghayati erti kemerdekaan yang dikecapi kini.

SIRI PANDUAN KENEGARAAN



MALAYAN UNION

PENGENALAN

Penjajahan Jepun berakhir apabila Nagasaki dan Hiroshima dimusnahkan oleh tentera Berikat pada 6 Ogos 1945. Justeru, tentera Jepun telah menyerahkan kembali pemerintahan Tanah Melayu kepada British pada 15 Ogos 1945.

Oleh itu, British secara rasmi kembali memerintah Tanah Melayu pada 12 September 1945.

Sementara itu, kerajaan British di London di bawah pimpinan Perdana Menteri, Sir Winston Churchill telah merangka satu bentuk pemerintahan untuk diperkenalkan di Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malayan Union.

Pada 10 Oktober 1945, Parlimen London telah meluluskan pelaksanaan Malayan Union di Tanah Melayu. Sehari selepas pengumuman dibuat, Sir Harold MacMichael tiba di Tanah Melayu untuk mendapatkan persetujuan daripada sultan-sultan Melayu.



Tun Abdul Razak seorang pemimpin yang banyak berjasa dalam pembangunan negara selepas mencapai kemerdekaan

Malangnya sultan-sultan Melayu tidak diberi masa dan kesempatan untuk mendalami gagasan Malayan Union dengan pemberi-pemberi mereka. Dengan cara **ugutan**, Sir Harold MacMichael berjaya mendapatkan tandatangan persetujuan daripada sembilan orang sultan.

Sultan-sultan Melayu terpaksa menandatangani perlembagaan itu kerana Sir Harold MacMichael mengugut tidak akan mengiktiraf kedudukan mereka jika enggan berbuat demikian.

Seterusnya, British telah meluluskan Perlembagaan Malayan Union pada Januari 1946. Dengan itu, pentadbiran Tentera British telah dibubarkan pada bulan Mac 1946.

Justeru, pada bulan Jun 1946, Perlembagaan Malayan Union telah diterbitkan dalam Kertas Putih. Kertas Putih ialah naskhah rasmi kerajaan yang mengandungi maklumat yang membabitkan pelbagai perkara berkaitan kepentingan orang ramai.

Objektif British melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu antaranya seperti berikut:

- ❑ Menyediakan penduduk Tanah Melayu untuk berkerajaan sendiri.
- ❑ Menyelaraskan pentadbiran Negeri-negeri Selat, Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu di bawah satu pentadbiran.
- ❑ Menjimatkan kos pentadbiran.
- ❑ Membolehkan kerajaan British menguasai seluruh Tanah Melayu dan menjadikannya tanah jajahan British. Secara tidak langsung, British dapat mengaut segala kekayaan yang ada untuk kepentingan negara mereka.

Ringkasnya, ciri-ciri Perlembagaan Malayan Union ialah:

- ❑ Malayan Union ialah gabungan Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura.

- ❑ Kerajaan Malayan Union diketuai oleh seorang gabenor dan berpusat di Kuala Lumpur.
- ❑ Gabenor Malayan Union akan dibantu oleh Majlis Mesyuarat Perundangan pada peringkat pusat dan sebuah Majlis Mesyuarat Kerja.
- ❑ Ahli-ahli dalam Majlis Mesyuarat Perundangan pula terdiri daripada gabenor, ahli-ahli rasmi, dan ahli-ahli tidak rasmi.
- ❑ Kedudukan raja-raja Melayu dikenakan tetapi sultan-sultan hanya menjadi penasihat kepada gabenor serta tidak memiliki kuasa penuh. Baginda juga menjadi Ketua Majlis Penasihat Melayu yang menguruskan hal ehwal agama Islam dan adat Melayu.
- ❑ Kewarganegaraan diberikan kepada semua orang asing yang dilahirkan di Tanah Melayu atau Singapura berdasarkan prinsip jus soli, serta mereka yang berumur 18 tahun ke atas dan telah bermastautin selama 10 hingga 15 tahun sebelum 15 Februari 1942.

PENENTANGAN MALAYAN UNION

Apabila Kertas Putih kerajaan British diumumkan, golongan **nasionalis Melayu** di bawah pimpinan Dato' Onn Jaafar telah menentang hebat pembentukan Malayan Union.

Orang Melayu menentang Malayan Union kerana tidak berpuas hati dengan cara Sir Harold MacMichael mengugut raja-raja Melayu untuk mendapatkan persetujuan. Ugutan ini menimbulkan kemarahan orang Melayu. Malah kedaulatan raja-raja Melayu turut tergugat di mana kuasa penuh dimiliki pihak lain yang dilantik British.


Selain itu, di bawah Perlembagaan Malayan Union, orang Melayu kehilangan hak keistimewaan. Mereka juga menentang pemberian hak kerakyatan kepada kaum-kaum bukan Melayu.

Justeru, orang Melayu telah menunjukkan perasaan tidak puas hati terhadap Perlembagaan Malayan Union dengan mengadakan ceramah, **demonstrasi**, dan perarakan di negeri-negeri Kedah, Perak, Kelantan, Selangor, dan Johor.

Gagasan penubuhan Malayan Union telah membuatkan orang-orang Melayu bersatu hati dalam memperjuangkan hak rakyat dan hak raja-raja Melayu.

Pada mulanya, penentangan orang Melayu tidak memberi kesan kepada Rancangan Malayan Union. Sebaliknya pihak British meneruskan rancangan mereka. Malayan Union telah disyiharkan pada 1 April 1946 dengan Sir Edward Gent dilantik sebagai Gabenor Malayan Union.

Tindakan British menimbulkan kemarahan orang-orang Melayu. Kongres Melayu Se-Tanah Melayu yang dipengerusikan oleh Dato' Onn Jaafar telah mengadakan mesyuarat tergempar di Kelab Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur.



Penyokong UMNO sedang mengibarkan bendera parti tersebut.



Penduduk Melayu yang berbilang kaum memerlukan pengkongsian politik antara pelbagai parti di negara ini.

Dato' Onn telah menyeru orang ramai dan sultan-sultan supaya memulaukan upacara pelantikan gabenor. Orang Melayu hendaklah berkabung selama tujuh hari dengan melilitkan kain putih di songkok. Akibatnya, masyarakat Melayu tidak menghadiri upacara pelantikan gabenor yang diadakan oleh pihak British.

Kongres sekali lagi mengadakan mesyuarat di Johor Bahru dan keputusan diambil untuk membentuk sebuah parti politik yang baharu iaitu Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (UMNO).

Tujuan penubuhan parti politik ini untuk menunjukkan kekuatan dan perpaduan orang-orang Melayu di bawah satu payung yang lebih kuat bagi memperjuangkan hak-hak mereka.

Serentak itu, Kongres Melayu Se-Tanah Melayu dibubarkan. Usaha membantah penubuhan Malayan Union diteruskan oleh UMNO di bawah pimpinan Dato' Onn dengan lebih hebat serta mendapat sokongan pelbagai pihak.

Akibat penentangan demi penentangan rakyat, akhirnya kerajaan British bersetuju untuk menggubal sistem pemerintahan Tanah Melayu.

Malayan Union telah digantikan dengan satu sistem baharu yang akan memberi lebih banyak kelebihan kepada orang-orang Melayu yang dikenali sebagai Persekutuan Tanah Melayu pada 1 Februari 1948.

Pembentukan Persekutuan Tanah Melayu sebaliknya mendapat tentangan daripada pihak komunis dan golongan rakyat yang menyokong perjuangan mereka.

Hal ini disebabkan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu akan membunuh cita-cita mereka untuk menguasai politik Tanah Melayu dan meletakkannya di bawah pemerintahan komunis. Antara cara yang digunakan adalah dengan melakukan perang secara gerila di hutan.

Justeru, untuk mengamankan pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu, British terpaksa bertindak ke atas pergerakan komunis dengan mengisyiharkan darurat pada Jun 1948. Serentak itu, pengaruh pihak komunis berjaya disekat daripada tersebar luas.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

PENUBUHAN UMNO/ ANCAMAN KOMUNIS

PENGENALAN

Antara kebaikan yang berjaya diperoleh daripada penjajahan Jepun di Tanah Melayu mulai tahun 1942 hingga 1945 ialah meningkatnya tahap kesedaran politik terutama di kalangan orang-orang Melayu.

Berdasarkan kesedaran itulah pada tahun 1946, pertubuhan-pertubuhan yang berbentuk memperjuangkan hak-hak orang Melayu telah ditubuhkan dengan tujuan memelihara kedudukan dan kedaulatan mereka di Tanah Melayu.

Kebangkitan pertubuhan di kalangan orang-orang Melayu menjadi semakin ketara berikutan rancangan melaksanakan Malayan Union di Tanah Melayu pada tahun 1945 oleh penjajah Inggeris.

Gagasan Malayan Union ditentang hebat oleh orang-orang Melayu kerana perlembagaannya ternyata bertentangan dengan prinsip orang Melayu serta tidak menyelahi hak-hak mereka.

Justeru, Dato' Onn Jaafar yang mula tampil ke hadapan untuk menyatakan pertubuhan Melayu dengan menubuhkan satu pertubuhan Melayu peringkat pusat yang dikenali Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (PEKEMBAR/UMNO) pada 11 Mac 1946.

Selain penubuhan UMNO sebagai reaksi ekoran pengenalan Malayan Union, UMNO juga ditubuhkan disebabkan dasar pemerintahan Jepun di Tanah Melayu yang memberi peluang kepada orang-orang Melayu untuk belajar akan hal-hal yang berkaitan dengan pentadbiran.

Oleh itu, orang-orang Melayu sudah mempunyai pengalaman dan keyakinan untuk mengendalikan pemerintahan dan membentuk kerajaan sendiri tanpa perlu bergantung kepada penjajah.

Malahan propaganda Jepun 'Asia Untuk Asia' menambahkan keyakinan orang-orang Melayu mencapai kebebasan politik dengan berjuang di atas kaki mereka sendiri.

Selain itu, penubuhan UMNO juga disebabkan wujudnya masalah perkauman di Tanah Melayu. Semasa pemerintahan British, orang-orang Cina dan India lebih banyak mendapat tempat dalam aktiviti ekonomi sedangkan orang-orang Melayu mendapat keistimewaan dalam pentadbiran.

UMNO ditubuhkan ekoran wujudnya kegiatan persatuan-persatuan separa politik orang-orang Melayu pada tahun 1930. Pada tahun ini, orang-orang Melayu yang berpendidikan Barat telah menubuhkan pertubuhan separa politik yang memperjuangkan kepentingan orang-orang Melayu.

Di samping itu, peranan yang dimainkan oleh Dato' Onn dilihat cukup penting dalam pembentukan UMNO. Melalui usaha gigih beliau, tanggal 11 Mei 1946, UMNO telah ditubuhkan dengan rasminya. Dato' Onn telah dilantik menjadi Presiden yang pertama.

Sesungguhnya, sejak UMNO ditubuhkan pada tahun 1946 hingga 1948, banyak kejayaan telah dicapai terutama dalam mendapatkan sokongan orang-orang Melayu.



Si ibu sedang menunjukkan kepada anaknya akian gambar-gambar sewaktu berlangsungnya persidangan agung UMNO.

Perjuangan Umno juga secara tidak langsung telah mempengaruhi **polisi** British terhadap gagasan penubuhan Malayan Union yang akhirnya membawa kepada penubuhan Persekutuan Tanah Melayu.

UMNO juga menempa banyak kejayaan termasuklah menerusi program-program pendidikan dan perkembangan ekonomi yang dimanfaatkan sepenuhnya oleh orang-orang Melayu.

Apabila terdapat ramai anak Melayu yang berjaya mendapat pendidikan tinggi telah menimbulkan kesedaran kepada yang lain agar memastikan lebih ramai anak Melayu mendapat pendidikan.

Keseluruhannya, PEKEMBAR atau UMNO telah berjaya ditubuhkan pada 11 Mei 1946 melalui penggabungan persatuan-persatuan Melayu atas daya usaha Dato' Onn Jaafar.

Berikutan penubuhan UMNO, pada 8 Ogos 1946, orang-orang India telah menu buhkan persatuan mereka yang dikenali sebagai Malayan Indian Congress (MIC). Orang-orang Cina pula menu buhkan Malayan Chinese Congress (MCA) pada 27 Februari 1947.

Pada tahun 1953, UMNO bekerjasama dengan MIC dan MCA menubuhkan Parti Perikatan bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu daripada British. Hasilnya, pada 31 Ogos 1957, British telah memerdekaan Persekutuan Tanah Melayu.

ANCAMAN KOMUNIS

Salah satu ancaman terbesar yang dihadapi oleh rakyat suatu ketika dahulu datangnya daripada pihak komunis. Pihak komunis telah menimbulkan keadaan huru-hara dan kebimbangan terutama di kalangan penduduk luar bandar lantaran pendirian mereka mahu menumbangkan kerajaan dengan cara kekerasan.

Parti Komunis Malaya (PKM) ialah sebuah pertubuhan komunis yang telah dibentuk di Tanah Melayu.



Penduduk di Tanah Melayu khususnya kaum Cina bidaip menderita sewaktu Parti Komunis Malaya (PKM) sedang berkuasa.

Matlamat penubuhan PKM adalah bagi membebaskan Tanah Melayu daripada penaklukan penjajah Inggeris. Mereka ingin menguasai dan meletakkan Tanah Melayu berada di bawah pengaruh komunis.

PKM bergerak berdasarkan fahaman Marxisme yang berkembang di China dan menjalar ke Indonesia. Dari Indonesia, beberapa orang pemimpin penting komunis Indonesia telah melarikan diri ke Singapura dan seterusnya ke Tanah Melayu.

Perkembangan sahaman komunis di Tanah Melayu telah bermula pada tahun 1920-an. Pada 1930 misalnya, Parti Komunis Malaya(PKM) telah ditubuhkan dengan tujuan untuk menguasai politik Tanah Melayu dan membentuk pemerintahan yang bercorak komunis yang juga dikenali sebagai Republik Komunis Malaya.

Antara tahun 1941-1954 merupakan detik jatuh bangunnya perkembangan dan pergerakan PKM di Tanah Melayu. Kemuncak perkembangan pengaruh komunis berlaku pada tahun 1948 sehingga memaksa British mengisytiharkan darurat di Tanah Melayu.

Akibat pengisytiharan darurat dan tindakan pengawalan ketat yang dilakukan British, perkembangan PKM telah menjadi lemah dan tidak seagresif sebelumnya.

Perkembangan PKM pada tahun 1941 hingga tahun 1954 boleh dibahagikan kepada dua tahap.

Tahap yang pertama adalah pada zaman Tanah Melayu di bawah pemerintahan Jepun pada 1941 hingga tahun 1945. Pada ketika ini, objektif utama perjuangan PKM menentang pemerintahan Jepun.

Tahap perjuangan PKM yang kedua pula ialah pada zaman Tanah Melayu diperintah kembali oleh British pada tahun 1945 hingga tahun 1954. Pada tahap ini, mereka ingin menumbangkan pengaruh British tetapi mendapatkan sokongan rakyat tidak berpihak kepada perjuangan mereka.

Secara ringkasnya, perkembangan PKM dapat dibahagikan kepada fasa-fasa perjuangan yang berikut:

PERJUANGAN 1941-1945

PKM menawarkan kerjasama kepada orang-orang Cina di Tanah Melayu untuk menentang Jepun kerana Cina adalah musuh tradisi Jepun sejak sekian lama. Perjuangan PKM banyak digerakkan oleh Pasukan 101 yang berjuang di hutan.

Pihak komunis juga menubuhkan MPJA, melancarkan serangan ke atas Jepun bagi membentuk Republik Komunis Malaya. Bagi mencapai objektif ini, berbagai-bagai tindakan telah dilakukan.

PERJUANGAN 1945-1947

PKM akan bertindak tegas ke atas ahlinya yang dituduh bekerjasama dengan Jepun.

PKM juga menentang pemerintahan British untuk mencapai objektifnya menguasai Tanah Melayu. Dalam pada itu, PKM turut mengembangkan pengaruhnya dalam Kesatuan Sekerja Am dan melalui All Comrades Association dan Pan Malayan Federation of Trade Unions.

PERJUANGAN 1948-1954

PKM bertindak lebih ganas dan telah melakukan gerakan revolusi bersenjata dengan operasinya berpusat di hutan. Manakala operasi di bandar digerakkan oleh kumpulan Sayap Lima (Min Yuen) dengan menyebarkan pelbagai propaganda.

Bagi menyekat tentangan yang berlaku, British telah mengisytiharkan keadaan darurat pada Jun 1948. Keadaan ini sekali gus menyebabkan perjuangan PKM menjadi lumpuh lalu diharamkan. Bagi mengawal pergerakan PKM, British menggunakan kawalan tentera-tentera dari luar.

Semasa darurat, PKM berusaha mendapatkan bekalan makanan, ubat-ubatan, dan maklumat British daripada pihak-pihak yang bersimpati dengan perjuangannya. Justeru, untuk menyekat perkembangan PKM, British memperkenalkan Rancangan Briggs, pada tahun 1950, sebelum diikuti Rancangan Templer.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

PERSEKUTUAN TANAH MELAYU

PENGENALAN

Penentangan yang amat hebat terhadap gagasan pembentukan Malayan Union telah menyebabkan British mengalah dan mencari alternatif lain yang boleh diterima rakyat.

Justeru, Persekutuan Tanah Melayu adalah bentuk pemerintahan baharu yang diperkenalkan oleh British di Tanah Melayu bagi menggantikan pemerintahan Malayan Union pada 1 April 1948.

Penubuhan Persekutuan Tanah Melayu telah mengambil kira semua aspek yang berkaitan termasuklah **sensitiviti** orang-orang Melayu berkaitan hak-hak mereka.

Secara amnya, Persekutuan Tanah Melayu terdiri daripada 11 buah negeri iaitu empat negeri dari Negeri-negeri Melayu Bersekutu, iaitu Perak, Selangor, Pahang, dan Negeri Sembilan dan lima buah negeri dari Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu, iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu, Perlis, dan Johor.

Dua buah Negeri-negeri Selat pula, iaitu Melaka dan Pulau Pinang turut terangkum dalam Persekutuan Tanah Melayu. Manakala Singapura diasingkan daripada pemerintahan Persekutuan Tanah Melayu atas sebab-sebab tertentu.

Pesuruhjaya Tinggi British mempunyai kuasa tertinggi dalam kerajaan Persekutuan dan dibantu oleh sebuah Majlis Eksekutif dan sebuah Majlis Perundangan.

Dalam pada itu, syarat-syarat bagi mendapatkan kerakyatan telah diperketatkan. Mereka yang berhak menjadi warganegara ialah rakyat sultan di mana-mana negeri di dalam Persekutuan.

Rakyat British yang dilahirkan di Pulau Pinang atau Melaka dan telah menetap di Persekutuan selama 15 tahun, dan mereka yang dilahirkan di Persekutuan serta mempunyai ibu bapa yang telah dilahirkan di Persekutuan dan telah menetap di sana sekurang-kurangnya 15 tahun.



Kemerdekaan membantu Malaysia mencapai kemajuan yang pesat termasuklah menjadi negara pengeluar kereta dunia.

Manakala orang-orang bukan Melayu yang hendak memohon kerakyatan mestilah memenuhi beberapa syarat.

Antaranya mereka hendaklah dilahirkan di Tanah Melayu, tinggal di Tanah Melayu sekurang-kurangnya lapan tahun, dan telah mengangkat sumpah taat setia kepada Persekutuan Tanah Melayu.

Mengikut Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu, kerajaan Persekutuan Tanah Melayu akan mengendalikan pilihan raya bagi memilih ahli Majlis Mesyuarat Persekutuan dan Majlis Undangan Negeri.

Parti Perikatan merupakan gabungan parti yang terbesar termasuklah dianggotai oleh parti UMNO, MCA, dan MIC. Dalam pilihan raya kebangsaan yang pertama diadakan pada Julai 1955, Parti Perikatan di bawah pimpinan Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj telah memenangi majoriti kerusi.

Kejayaan ini telah membuka ruang kepada Parti Perikatan membentuk kabinet yang pertama, sekali gus memerintah negara ini. Malah kejayaan Perikatan juga sebenarnya telah menyuburkan amalan demokrasi di negara ini.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

MEMPERJUANG KEMERDEKAAN

PENGENALAN

Kemerdekaan bermakna sesebuah negara itu mendapat kebebasan untuk memerintah rakyatnya sendiri. Kemerdekaan bermakna sesebuah negara dapat menentukan hala tuju yang ingin dibawa demi kemajuan rakyat tanpa perlu mengikut telunjuk pihak-pihak lain.

Kemerdekaan bermaksud sesebuah pemerintah itu berhak melakukan apa jua yang boleh membawa kebaikan kepada negara tercinta.

Malaysia berjaya mencapai kemerdekaan daripada penjajahan British setelah sekian lama berjuang bagi mendapatkannya.

Bendera kerajaan British telah diturunkan tepat pada pukul 12 tengah malam, tanggal 31 Ogos 1957 di hadapan bangunan Sultan Abdul Samad, Kuala Lumpur. Detik amat bersejarah itu akan terus dikenang oleh rakyat jelata.

Ini diikuti upacara menaikkan bendera Persekutuan Tanah Melayu yang berkibar megah menandakan penjajahan British di negara ini sudah pun berakhir.

Hari Kemerdekaan telah diisytiharkan di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada pagi 31 Ogos 1957 oleh Tunku Abdul Rahman, Perdana Menteri Tanah Melayu pertama.

Wakil Ratu England, Duke of Gloucester telah menyampaikan dokumen-dokumen pengisytiharan kepada Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Beliau telah menjadi Perdana Menteri bermula dari 1957 sehingga 1970.

Pada tahun yang sama, Persekutuan Tanah Melayu telah diterima sebagai anggota Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu yang ke-82 dan peristiwa kemerdekaan ini juga menandakan bahawa Tanah Melayu mempunyai **status** setaraf dengan negara-negara lain dalam dunia antarabangsa.

Segala-galanya bermula pada Januari 1956, di mana Tunku Abdul Rahman mengetuai rombongan ke London untuk merundingkan kemerdekaan Tanah Melayu.

Rombongan ini dikenali sebagai Rombongan Kemerdekaan. Rombongan ini terdiri daripada empat orang wakil kerajaan Perikatan, empat orang wakil raja-raja Melayu, dan wakil-wakil British di Tanah Melayu.

Selain Tunku Abdul Rahman, wakil-wakil lain dari Parti Perikatan termasuklah Dato' Abdul Razak, Dr. Ismail Abdul Rahman, dan Kolonel H.S. Lee.

Wakil raja-raja Melayu pula terdiri daripada Datuk Panglima Bukit Gantang, Dato' Mohd Seth, Dato' Nik Ahmad Kamil, dan Abdul Aziz Majid.

Rundingan yang bersejarah dan amat bermakna itu telah diadakan selama tiga minggu, iaitu bermula pada 18 Januari hingga 6 Februari, 1956.



Sambutan Bulan Kemerdekaan disambut meriah oleh rakyat Malaysia pada setiap tahun.

Berkat kebijaksanaan Tunku Abdul Rahman berserta wakil-wakil negara yang lain, rundingan itu menemui kejayaan yang luar biasa. Hasil daripada rundingan itu, Perjanjian London 1956 telah selamat ditandatangani pada 8 Februari 1956.

Menurut antara kerangka dalam perjanjian itu, kerajaan British telah bersetuju memberikan kemerdekaan kepada Tanah Melayu pada 31 Ogos 1957.

Parti Perikatan pula berjanji tidak akan memiliki atau mengambil alih harta benda mahupun perniagaan British di Tanah Melayu. Ini bermakna rakyat British bebas menjalankan aktiviti ekonomi mereka di Tanah Melayu.

Tunku Abdul Rahman telah mengisytiharkan tarikh kemerdekaan di Padang Pahlawan, Bandar Hilir, Melaka pada 20 Februari 1956, sekembalinya beliau bersama-sama Rombongan Kemerdekaan dari London.

Dalam pada itu, Perjanjian London turut mensyaratkan sebuah suruhanjaya ditubuhkan bagi merangka perlembagaan baharu sebelum Tanah Melayu diisytiharkan merdeka.

Justeru, Suruhanjaya Reid telah ditubuhkan pada tahun 1956 untuk menggubal perlembagaan baharu bagi Tanah Melayu. Suruhanjaya ini diketuai oleh Lord Reid.

Sesungguhnya, kemerdekaan amat besar ertiinya kepada rakyat Tanah Melayu. Kemerdekaan membawa makna yang negara kita telah bebas daripada penjajahan orang luar.

Kemerdekaan membawa maksud yang rakyat Tanah Melayu bebas menentukan hala tuju kehidupan masing-masing tanpa bergantung kepada kuasa luar.

Atas sebab itulah Hari Kemerdekaan disambut saban tahun dengan meriah sekali untuk memperingati semangat dan erti sebenar kemerdekaan kepada rakyat Malaysia.

Malah sepanjang Bulan Kemerdekaan juga, kebanyakan rakyat Malaysia akan menggantung Jalur Gemilang di merata-rata tempat sebagai mempamerkan semangat cintakan negara. Antaranya Jalur Gemilang dapat disaksikan digantung di halaman rumah, kawasan premis perniagaan, kereta, motosikal, dan sebagainya.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

PERSEKUTUAN MALAYSIA

PENGENALAN

Gagasan membentuk Persekutuan Malaysia telah diumumkan oleh Tunku Abdul Rahman dalam Persidangan Persatuan Wartawan Asing di Singapura pada 27 Mei 1961. Menurut gagasan ini, Malaysia akan terdiri daripada gabungan Tanah Melayu, Singapura, Brunei, Sabah, dan Sarawak.

Sebab-sebab penubuhan Malaysia antara lainnya berasaskan kepada faktor-faktor berikut:


- Menghapuskan ancaman kegiatan komunis di rantau Asia Tenggara. Tunku Abdul Rahman berasa bimbang perkembangan komunis di Singapura akan mendatangkan kesan buruk ke atas Tanah Melayu.

Justeru, beliau mengambil langkah bagi menghalang perkembangan dan penyebaran komunisme di Tanah Melayu menggabungkan Singapura dan Tanah Melayu.

- Mewujudkan kerjasama dalam bidang ekonomi. Percantuman antara negeri-negeri Tanah Melayu, Sabah, Sarawak, Brunei, dan Singapura dilihat akan mendatangkan faedah yang menguntungkan dari sudut ekonomi kepada semua.
- Mempercepatkan proses kemerdekaan bagi negeri-negeri anggota yang lain.
- Mengimbangi komposisi kaum agar tidak terdapat jurang yang terlalu besar antara kaum.

Tokoh-tokoh politik seperti Tunku Abdul Rahman, Stephen Kalong Ningkan (Sarawak), Donald Stephens (Sabah), dan Lee Kuan Yew (Singapura) adalah mereka yang telah berusaha keras untuk mendapatkan sokongan rakyat masing-masing untuk bersetuju dengan idea penubuhan Malaysia.

Meskipun begitu, pemimpin-pemimpin ini tidak menggunakan kekerasan atau memaksa rakyat untuk bersetuju. Sebaliknya mereka menggunakan pendekatan demokratik seperti rakyat bebas mengundi untuk bersetuju mahupun tidak.



Jata Gemilang bendera kebangsaan negara ini.



Kepimpinan politik di Malaysia memerlukan perkongsian kuasa secara bijak dengan parti yang mewakili kaum berbeza-beza.

Tunku Abdul Rahman melihat Sabah dan Sarawak boleh disatukan dengan Persekutuan Tanah Melayu. Oleh itu, Tunku Abdul Rahman telah membentuk suatu jawatankuasa untuk membawa masuk Sabah dan Sarawak ke dalam satu persekutuan baharu.

Pada peringkat awal, cadangan ini mendapat tentangan daripada pemimpin dari Sabah dan Sarawak. Mereka berasa risau sekiranya kuasa pentadbiran mereka selama ini akan terhapus.

Namun, melalui penubuhan Jawatankuasa Perundingan Perpaduan Malaysia, segala maklumat tentang kebaikan percantuman itu berjaya menarik minat pemimpin Sabah dan Sarawak.

Seterusnya, Suruhanjaya Cobbold yang dipengerusikan oleh Lord Cobbold ditubuhkan pada tahun 1962 bagi meninjau dan mengkaji pendapat penduduk Sabah dan Sarawak tentang cadangan penubuhan Malaysia.

Oleh itu, Suruhanjaya Cobbold telah melawat ke seluruh Sabah dan Sarawak dari bulan Februari hingga April 1962.

Pada 1 Ogos 1962, Laporan Cobbold telah mengesahkan lebih 70% penduduk Sabah dan Sarawak telah mengundi menyokong penubuhan Malaysia.

Sebagai susulan, Jawatankuasa Antara Kerajaan atau Jawatankuasa Lord Lansdowne ditubuhkan pada Ogos 1962 untuk mengkaji peruntukan perlembagaan berkaitan kemasukan Sabah dan Sarawak ke dalam Persekutuan Malaysia.

Manakala kerajaan Singapura pula telah mengadakan refendum pada 1 September 1962. Justeru, lebih 70 peratus pengundi menyokong penyertaan Singapura ke dalam Malaysia.

Pada 9 Julai 1963, Perjanjian Malaysia telah ditandatangani. Asas-asas Perjanjian Malaysia ialah Perlembagaan Malaysia, peruntukan-peruntukan khas bagi Singapura, Sabah, dan Sarawak.

Akhirnya, Malaysia diisytiharkan secara rasmi oleh Tunku Abdul Rahman di Stadium Merdeka, Kuala Lumpur pada 16 September 1963 tanpa penyertaan Brunei.

Bagaimanapun, Singapura kemudiannya disingkir keluar dari Malaysia pada 9 Ogos 1965 akibat berlakunya perbezaan pendapat yang ketara antara pemimpin kedua-dua negara.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

MALAYSIA YANG CEMERLANG

PENGENALAN

Malaysia pada hari ini berkembang pesat dalam pelbagai lapangan. Kecemerlangan Malaysia bukan sahaja ditunjukkan di peringkat tempatan tetapi juga begitu gah di pentas antarabangsa.

Dari segi pembangunan fizikal, mercu tanda negara seperti Menara Berkembar Petronas, Menara Kuala Lumpur, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), KL Sentral, dan sebagainya jelas dikagumi orang luar yang berkunjung ke negara ini.

Peluang menganjurkan upacara-upacara atau majlis berprestij bersifat antarabangsa seperti menjadi tuan rumah dalam perlumbaan Formula 1, mesyuarat antarabangsa, persidangan, dan seumpamanya jelas menggambarkan Malaysia mempunyai keupayaan yang bertaraf dunia.

Malah kehadiran jutaan pelancong dari seluruh dunia membuktikan Malaysia negara yang sudah dikenali.



Dasar luar yang dicanangkan oleh bekas Perdana Menteri, Tuan Dr. Mahathir Mohamad membuatkan negara ini kian dikenali di persada dunia.

Kepesatan ekonomi telah menyaksikan banyak industri dibangunkan. Industri berat misalnya telah memperlihatkan kebolehan dan keupayaan rakyat di negara ini mengeluarkan automobil sendiri.

Industri-industri yang tumbuh bagaikan cendawan ini secara tidak langsung telah membuka peluang pekerjaan yang banyak kepada rakyat bagi menikmati kehidupan yang lebih baik.

Dalam konteks hubungan luar, semenjak merdeka lagi Malaysia telah mengamalkan dasar luar yang aktif. Jelasnya, Malaysia telah memainkan peranan yang berkesan dalam sistem politik antarabangsa.


Setiap pendekatan yang diambil berkait rapat dengan dasar luar negara, iaitu dasar mementingkan keamanan, kebebasan, dan semangat kerjasama dalam sistem perhubungan antarabangsa.

Malahan, pada zaman pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka lagi, negara kita telah mengamalkan dasar luar yang aktif. Melaka sebagai pusat pemerintahan alam Melayu telah mengadakan hubungan baik dengan banyak negara kuasa besar seperti China, Siam, India, Parsi, dan Arab.

Kesinambungan dasar luar ini diteruskan dan dipergiatkan lagi selepas negara mencapai kemerdekaan.

Di bawah pimpinan Perdana Menteri keempat, Tun Dr. Mahathir Mohamad, Malaysia telah mengolah dasar luar negara yang berasaskan **globalisme**, iaitu usaha menempatkan negara dalam arena politik antarabangsa secara berkesan.

Antara penglibatan Malaysia dalam arena antarabangsa dapat dilihat menerusi penglibatan dalam ASEAN, Pertubuhan Negara-negara Islam (OIC), Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM), Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, Pertubuhan Komanwel, dan banyak lagi.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

KORIDOR RAYA MULTIMEDIA

PENGENALAN



Kompleks Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad telah melihat betapa kemajuan sesebuah negara pada alaf akan datang bergantung pada sejauh mana penguasaan negara berkenaan dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Justeru, ini memberi ilham kepada Tun Dr. Mahathir untuk melaksanakan pembangunan berasaskan Koridor Raya Multimedia (MSC) di negara ini.

Koridor Raya Multimedia adalah salah satu komitmen kerajaan ke arah mencapai Wawasan 2020, sekali gus melahirkan ilmuan teknologi maklumat yang dinamik, **berkarisma**, dan berdaya maju setanding dengan negara maju yang lain.

Keprihatinan kerajaan dalam soal ini seiring dengan perkembangan teknologi maklumat yang melanda dunia pada hari ini. Negara kita juga harus berusaha menjadi antara negara pengeluar idea dan peralatan yang berasaskan ICT untuk dipasarkan ke negara-negara lain di seluruh dunia.



Pemandangan kesibukan di Lapangan Terbang Antarabangsa Sepang (KLIA).

Dalam memastikan matlamat penubuhan MSC tercapai, digariskan tujuh aplikasi perdana yang menjadi teras utama. Antaranya termasuklah penggunaan kad pintar, kerajaan elektronik, sekolah bestari, telekesihatan, dan perdagangan elektronik.

Umumnya, MSC meliputi kawasan seluas 15 kilometer lebar dan 50 kilometer panjang. Ia turut merangkumi Menara Berkembar Petronas (KLCC) sehinggalah ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA).

Keseluruhan kawasan yang berada dalam lingkungan MSC akan dibangunkan dengan dilengkapi prasarana berteknologi canggih yang saling berhubungan antara satu sama lain. Hal ini menjadikan orang ramai dapat mengakses apa jua maklumat yang diperlukan, sekali gus menjadikan kehidupan lebih efisien.

Pembinaan KLIA di Sepang misalnya telah dilengkapi pelbagai peralatan telekomunikasi termoden untuk memenuhi keperluan menjelang abad ke-21.

KLIA telah dibuka secara rasminya pada 27 Jun 1998. Dianggarkan KLIA menguruskan kapasiti penumpang sebanyak 25 juta sewaktu pembukaannya dan jumlahnya dijangka bertambah kepada 60 juta penumpang menjelang tahun 2020.

Hari ini KLIA telah diiktiraf sebagai salah sebuah lapangan terbang yang paling berpotensi untuk dimajukan, setanding dengan lapangan-lapangan terbang yang lain di dunia.

Apakah lagi pembinaan KLIA menjadi pintu gerbang kepada setiap pelancong yang mahu memasuki negara ini. Mereka pasti mengagumi kecanggihan yang terdapat di sini, sekali gus memberikan gambaran lebih baik terhadap kehidupan di negara kita.

Dua buah bandar raya utama di kawasan MSC adalah Putrajaya dan Cyberjaya. Apa yang menarik, kedua-dua bandar raya bestari itu dilengkapi dengan pelbagai kemudahan multimedia kepada para penghuninya.

Putrajaya akan menjadi pusat pentadbiran kerajaan dan dikenali sebagai bandar raya pintar. Konsep pembinaan bandar raya ini akan memasukkan semua kemudahan termaju dalam era teknologi maklumat yang dapat diakses oleh warga kota yang tinggal di sini.

Ini seterusnya akan menyaksikan kewujudan sebuah kerajaan elektronik yang cekap. Bagi orang ramai yang mahu berurusan dengan jabatan kerajaan yang terdapat di sini, mereka akan dilayan dengan cekap serta tidak perlu berbaris panjang di kaunter.

Cyberjaya yang mempunyai keluasan 7,000 hektar pula akan menjadi pangkalan syarikat-syarikat inovasi multimedia terbesar. Ia bakal menjadi pusat pengeluaran pelbagai peralatan multimedia tercanggih.

Cyberjaya jelasnya akan menjadi model bandar raya pintar pertama yang dibina untuk syarikat-syarikat berstatus MSC yang beroperasi di dalamnya. Konsep pembinaan bandar bestari Cyberjaya adalah mesra alam. Di Cyberjaya juga terdapat institusi pendidikan yang menawarkan pelbagai kursus berkaitan ICT.

Keseluruhannya, projek MSC mampu menjana ekonomi negara dengan lebih gemilang dan cemerlang. Rakyat secara tidak langsung dapat mengecap kehidupan yang lebih baik dengan peluang-peluang pekerjaan baharu terbuka luas.

Malah yang lebih penting, projek MSC akan mendekatkan rakyat di negara ini untuk mencapai Wawasan 2020.



GLOSARI


- strategik** : kedudukan yang paling sesuai, ideal atau berpotensi untuk dimajukan.
- memanipulasikan** : menggunakan sepenuhnya ruang atau kesempatan yang ada untuk mencapai tujuan tertentu.
- monopoli** : penguasaan mutlak terhadap sesuatu perkara yang melibatkan perdagangan, kuasa politik, dan sebagainya.
- propaganda** : penyebaran berita berunsur maklumat atau mesej tertentu yang dapat mempengaruhi orang lain.
- catuan** : sekatan terhadap jumlah yang boleh diambil atau diterima.
- prasangka** : memandang buruk kepada pihak lain.
- ugutan** : paksaan atau memberi tekanan kepada pihak lain.



SIRI PANDUAN KENEGARAAN

GLOSARI

- demonstrasi** : tindakan mengadakan tunjuk perasaan bagi menunjukkan bantahan.
- polisi** : dasar yang dijalankan.
- sensitiviti** : perasaan.
- status** : kedudukan secara rasmi.
- globalisme** : bersifat sejagat dalam dunia yang melangkaui sempadan akibat kemajuan dunia teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).
- berkarisma** : berketrampilan, berwibawa.



SOALAN

1. Siapakah pengasas terawal Kesultanan Melayu Melaka?
2. Senaraikan negara Barat yang pernah menjajah Tanah Melayu sejak dahulu.
3. Berapa lamakah negara Jepun berkuasa di negara kita?
4. Mengapakah cadangan penubuhan Malayan Union ditentang hebat oleh orang-orang Melayu?
5. Apakah objektif utama penubuhan parti UMNO?
6. Mengapakah kaum Cina menjadi mangsa penindasan PKM sewaktu mereka berkuasa di negara ini?
7. Apakah antara syarat yang dikenakan untuk mendapatkan hak kerakyatan Persekutuan Tanah Melayu?
8. Siapakah pemimpin yang merintis usaha mendapatkan kemerdekaan daripada British?

